

Bahan Kimia Berbahaya Tersembunyi di Pandangan Biasa Oktober 2020

Kemusnahan di Pelabuhan Beirut



Kawasan di pelabuhan Beirut sebelum dan selepas letupan 4 Ogos 2020

Pada 4 Ogos 2020, satu letupan besar berlaku di Beirut, Lubnan yang mengorbankan sekurang-kurangnya 160 orang, mencederakan lebih dari 5,000 orang dan dianggarkan 300,000 orang kehilangan tempat tinggal*. Pada ketika ini, tiada anggaran kerosakan atau punca letupan dikeluarkan. Bahan tersebut, amonium nitrat (AN), adalah baja biasa, tetapi juga digunakan sebagai agen peledakan dalam perlombongan. Kira-kira 2750 tan (3030 tan AS) disimpan di gudang selama lebih dari 6 tahun. Pegawai tempatan sedar akan kewujudan dan usia bahan tersebut, tetapi tiada usaha yang mencukupi untuk menguruskan operasi penyimpanan itu. Sebagai tindak balas terhadap letupan Beirut, beberapa pelabuhan telah mengambil langkah untuk mengehadkan atau melarang penyimpanan AN. (ruj. Washington Post 21 Ogos 2020)

Sering kali, kita berjalan melalui sesuatu benda dan tidak "ternampak" benda itu kerana ianya sudah lama berada di situ. Ini bukan hanya sekadar isu kekemasan. Penyimpanan yang betul sangat penting untuk semua bahan kimia terutamanya yang boleh terurai.

Adakah terdapat tong atau bekas bahan kimia lain di kawasan anda yang tidak kerap digunakan? Pernahkah anda melihat label mereka? (* statistik pada masa Beacon ini disediakan)

Adakah anda tahu?

- Sebilangan bahan kimia mempunyai jangka hayat dan boleh mengurai. Kelembapan, udara atau bahan lain boleh menyebabkan penguraian.
- Penguraian boleh:
 - mengakibatkan kehilangan potensi, menjadikan bahan itu kurang berkesan.
 - memberi kesan terhadap bahan tambahan yang mengekalkan keselamatan bahan berbahaya seperti penstabil atau perencat.
 - membawa kepada penguraian yang tidak terkawal, berpotensi menjadi bencana. (ruj PS Beacon Januari 2006) (<https://www.aiche.org/ccps/resources/process-safety-beacon/archives/2006/january/english>)
- Lembaran Data Keselamatan (SDS) biasanya menyatakan keadaan dan arahan penyimpanan yang betul untuk pengendalian dan pelupusan yang betul.
- Bahan kimia yang tidak diperlukan di kawasan tersebut berpotensi menjadi sumber kebocoran dan tumpahan.
- Menyimpan bahan lebih daripada yang diperlukan di sesuatu kawasan dapat meningkatkan kesan jika berlaku tumpahan atau pelepasan.

Apa yang boleh anda lakukan?

- Cari tong atau bekas yang sudah lama berada di kawasan anda. Periksa tarikh luput dan pastikan tong atau bekas itu disimpan dalam keadaan yang betul.
- Sekiranya anda menjumpai bekas yang sudah luput, laporkan kepada penyelia anda dengan segera.
- Walaupun bekas itu masih tidak melebihi tarikh luputnya, tanyakan mengapa ia berada disitu. Mungkin ia ditinggalkan dan telah dilupakan. Ia perlu dihantar ke tempat penyimpanan yang betul.
- Semasa hendak menggunakan apa-apa bahan, periksa tarikh pembuatannya dan gunakan bahan tertua terlebih dahulu – **JIKA IANYA MASIH BELUM LUPUT!**

Perhatikan bahan yang sudah lama disimpan di kawasan anda.